

RABU • 10 NOVEMBER 2010

Utusan Sarawak 3



PERSIDANGAN ... Oswald Braken Tisen menyampaikan cenderahati kepada Dr. Azlina Yahya bersempena persidangan Best of Both Worlds Conference 2010 "Effective Environmental Education for Biodiversity Conservation" yang berlangsung selama dua hari di Sama Jaya Nature Reserve semalam. • NORDIN MD DIAH

## Semaikan pentingnya pemuliharaan khazanah biodiversiti

KUCHING, Selasa - Kesedaran pentingnya pemuliharaan khazanah biodiversiti negara perlu disemai di kalangan generasi muda sejak mereka di bangku sekolah lagi.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perancangan dan Pengurusan Sumber, Len Talif Salleh berkata, pelajar sekolah adalah generasi paling sesuai untuk disemai dengan sifat yang sihat serta terdidik dalam usaha membangunkan individu yang prihatin serta bertanggungjawab.

"Lebih penting lagi ialah tahap kesedaran yang diterapkan di kalangan generasi muda tentang pemuliharaan hidupan liar serta keindahan flora," katanya dalam Majlis Penutu-

pan Persidangan Biodiversiti di sini Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya hari ini.

Persidangan itu dihadiri lebih 100 orang peserta terdiri daripada pelbagai negara iaitu Thailand, Malaysia, Singapura, Indonesia dan Afrika Selatan.

Teks ucapan beliau dibaca oleh Ketua Bahagian Pelancongan dan Ekonomi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Nora Azlina Yahya.

Beliau yang juga Pengarah Hutan dan Kontroler Hidupan Liar berkata, dengan adanya persidangan seperti itu, pengurusan hutan secara bestari perlu dikongsi oleh semua pihak demi manfaatkan pembangunan pertanian negara pada masa depan.

"Pendedahan mengenai

bioteknologi ini dapat meningkatkan kesedaran generasi muda serta pihak dari luar negara tentang isu terkini yang berhubung dengan cara hidup sihat selaras dengan kemajuan bioteknologi di Malaysia," katanya.

Katanya, ramai yang masih tidak sedar hutan flora fauna negara banyak khazanah yang tidak ternilai dan ia musnah akibat pembangunan.

"Justeru, saya menyeru orang ramai untuk mewujudkan hubungan sinergi yang tertumpu kepada usaha dan tindakan bersepakut ke arah yang lebih baik serta bertanggungjawab tentang dunia di sekeliling, alam sekitar dan persekitaran," ujarnya.